



SIARAN MEDIA

MALAYSIA PERKUKUH KERJASAMA KONSERVASI BIODIVERSITI MENERUSI COP16

Sebagai salah sebuah daripada 17 negara yang paling kaya dengan biodiversiti di dunia atau negara *megadiverse*, penglibatan delegasi Malaysia dalam Persidangan Parti-parti ke-16 kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi (*The 16th Meeting of the Conference of the Parties to the Convention on Biological Diversity - CBD COP16*) akan mengukuhkan kerjasama bagi konservasi biodiversiti khususnya dalam aspek pembangunan kapasiti, pemindahan teknologi dan pembiayaan.

Delegasi Malaysia seramai 17 orang diketuai oleh Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam menghadiri persidangan yang akan diadakan pada 21 Oktober hingga 1 November 2024 di Cali, Colombia. Beliau akan mengetengahkan komitmen negara dalam mengintegrasikan Rangka Kerja Biodiversiti Global Kunming-Montreal (KMGBF) ke dalam Pelan Tindakan dan Strategi Biodiversiti Kebangsaan (NBSAP) iaitu Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022-2030 (DKBK) yang telah diluncurkan pada 24 Oktober 2023.

Malaysia menjadi antara negara parti yang terkehadapan dalam melaksanakan perkara ini dan pencapaian ini meningkatkan reputasi Malaysia di arena antarabangsa kerana setakat ini 80 peratus daripada negara parti masih belum berbuat demikian.

Malaysia telah meratifikasi dan menjadi parti kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD) pada 24 Jun 1994 bagi mengukuhkan komitmen dalam pemuliharaan dan penggunaan biodiversiti secara lestari serta memastikan perkongsian faedah yang terhasil daripadanya secara adil dan saksama.

Persidangan CBD COP16 turut berlangsung serentak dengan protokol-protokol yang berkaitan iaitu *The 11th Meeting of the Conference of the Parties serving as the Meeting of the Parties (MOP) to the Cartagena Protocol on Biosafety* dan *The 5th MOP to the Nagoya Protocol on Access to Genetic Resources and the Fair and Equitable Sharing of the Benefits Arising from their Utilization*.

Persidangan ini diadakan setiap dua tahun sekali dan dihadiri oleh 196 buah negara parti bagi memastikan pelaksanaan obligasi di bawah CBD serta menetapkan hala tuju dalam pengurusan biodiversiti untuk dilaksanakan oleh negara parti.

Semasa persidangan tersebut, Nik Nazmi dan delegasi akan turut menghadiri Mesyuarat Peringkat Menteri (*High Level Segment* - HLS), mesyuarat dua hala, lawatan kerja teknikal berkaitan konservasi biodiversiti dan terlibat dalam acara sampingan.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
28 OKTOBER 2024**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

    nresmalaysia